

Headline	Gracie Junita Sambung Belajar	Language	MALAY
Date	05. Jul 2008	Page No	18
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	428 cm²
Section	Yo!	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287		



Gracie Junita sambung belajar

MESKI pun kerap mewakili Malaysia, namun ratu terjun negara, Gracie Junita Terry Pega, 18, tidak pernah lupa kepada kepentingan akademik.

Buktinya, bekas pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kuala Lumpur ini berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) mulai bulan ini.



GRACIE Junita Terry Pega (dua dari kiri) dan atlet terjun Sarawak menunjukkan pingat emas yang dimenangi semasa Sukan Malaysia 2008 di Terengganu baru-baru ini.

Bermula Julai, puteri dari Sarawak ini menjadi mahasiswa prauniversiti bagi Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Mula bulan ini ada pelajaran baru untuk saya apabila menjadi penuntut prauniversiti UPM. Tempoh pengajiannya dua tahun.

"Selepas itu barulah tahu jenis pengajian di UPM. Walaupun sentiasa sibuk dengan sukan, namun saya akan belajar sehingga ke tahap paling maksimum," ujarnya kepada Yo!.

Menyentuh cita-cita kerjaya pula, Gracie Junita sebenarnya muahu menjadi model profesional.

"Sebelum menjadi model profesional, saya mestи belajar di IPT settinggi yang boleh."

"Namun begitu, saya muahu menjadi model setelah tidak lagi mewakili Malaysia," ujarnya.

Gracie Junita berjinak-jinak dengan sukan terjun sejak berusia lapan tahun lagi, kemudian dipilih menyertai skuad terjun Sarawak selepas sesi pemilihan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Stampin, Kuching pada tahun 1992.

Setelah mewakili negerinya dan berjaya mencipta banyak kejayaan, dia serapkan pula ke skuad kebangsaan sehingga sekarang.

Pada Sukan SEA 2007, di Korat, Thailand, dia tidak dapat mewakili negara kerana memberikan tumpuan serius untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Walau pun tidak dapat menyarungkan jersi negara di Korat kerana SPM, namun saya masih mengintai peluang ke Sukan SEA 2010, di Laos," ujarnya.

- Satu meter papan anjal Asian Age Group 2006, di Jakarta, Indonesia (Pingat perak)
- Satu meter papan anjal Sukan Malaysia (Sukma) 2004, di Negeri Sembilan (Pingat emas).
- Tiga meter papan anjal Sukma 2004 (Pingat emas).
- Tiga meter papan anjal 2002 (Pingat emas).
- Satu meter papan anjal Asian Age Group 2006, di Jakarta, Indonesia (Pingat emas).
- Satu meter papan anjal Sukma SEA 2003, di Vietnam (Pingat perak).
- Satu meter papan anjal Sukma 2002, di Sabah (Pingat emas).
- Tiga meter papan anjal Sukma 2002 (Pingat emas).

berrimba Sukma 2004

- (Pingat emas).
- Satu meter papan anjal Sukma SEA 2003, di Vietnam (Pingat perak).
- Satu meter papan anjal Sukma 2002, di Sabah (Pingat emas).
- Tiga meter papan anjal Sukma 2002 (Pingat emas).

Gracie Junita Terry Pega (dua dari kiri) dan atlet terjun Sarawak menunjukkan pingat emas yang dimenangi semasa Sukan Malaysia 2008 di Terengganu baru-baru ini.

